

# PM hadir 54 forum antarabangsa sejak tahun lepas

UM 1 - NOV 2001  
KUALA LUMPUR 31 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menghadiri 54 forum antarabangsa sejak tahun lepas sehingga bulan ini.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar berkata, forum-forum tersebut dianjurkan oleh kerajaan, organisasi korporat dan badan-badan bukan kerajaan di dalam dan luar negara.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 24 forum dianjurkan oleh kerajaan Malaysia dan organisasi tempatan manakala selebihnya oleh kerajaan asing serta organisasi antarabangsa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Abd. Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman)** di Dewan Rakyat, hari ini.

Abd. Rahman turut bertanya mengenai kewajaran pihak penganjur sesuatu forum seperti Dialog Antarabangsa Langkawi membiayai semua perbelanjaan para peserta luar negara.

Menurut Noh lagi, kebanyakan pemimpin luar terutama dari Afrika kagum dengan kebolehan Dr. Mahathir dan setiap pujian tidak mempunyai kepentingan politik.

"Malah seorang profesor University California, Los Angeles meminta supaya Dr. Mahathir patut menjadi rujukan pentadbiran Presiden George W. Bush dalam melaksanakan kempen Amerika untuk memerangi keganasan," katanya.

Semalam, Prof. Tom Plate dalam kenyataannya percaya Amerika Syarikat perlu mengambil kira pandangan Dr. Mahathir sebagai pemimpin Asia yang paling lantang mengkritik peranan dana lindung nilai Barat dan penyangak mata wang.

Menurut Noh, keadaan itu berbeza dengan pemimpin parti Keadilan yang meminta bantuan daripada orang yang tidak lagi diterima rakyat seperti bekas Presiden Filipina Joseph Estrada.

Beliau juga kesal kerana pihak pembangkang tidak pernah mengiktiraf kebolehan pemimpin sendiri sebaliknya menuduh ahli UMNO sebagai fasik.